

CNS7111

R GB 11-07 00149 BA099

bah

MTUC BINCANG DENGAN PEGUAM MENGENAI TUDUHAN PERDANA MENTERI  
MTUC - Penderhaka

I

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sedang berbincang dengan peguamnya berhubung kenyataan Perdana Menteri menuduh Presiden MTUC Zainal Rampak dan setiausaha agung V. David sebagai penderhaka kepada negara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga berkata mereka bertindak bercanggah dengan kepentingan pekerja Malaysia dengan membenarkan diri mereka diperalatkan oleh pertubuhan antarabangsa yang hanya berminat melihat ekonomi negara musnah dan rakyat tidak mempunyai pekerjaan.

Perdana Menteri berkata bahawa MTUC diketuai oleh pemimpin daripada parti pembangkang yang tidak menaruh kesetiaan kepada negara.

Dalam reaksi terhadap kenyataan Perdana Menteri, David berkata: +Kami akan berunding dengan peguam kami. Tetapi, ini mengambil masa untuk mengkajinya.

+Perdana Menteri meragui semangat patriotik dan kesetiaan kami kepada negara,+ kata David, yang juga anggota parlimen DAP. -- Lagi

▼11/07/13-49MST

CNS7112

R GB 11-07 00078 BA100

bah

MTUC - Penderhaka 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Zainal juga menyesali kenyataan Perdana Menteri sambil berkata +tidaklah adil+ bagi Dr Mahathir mengecap mereka sebagai penderhaka.

+Semua yang kami lakukan ialah berdasarkan mandat yang diberi oleh Majlis Agung MTUC. Kami tidak pernah bertindak secara individu,+ kata presiden MTUC itu.

Zainal juga berkata pendekatan MTUC bagi mengendalikan isu-isu tetap tidak berubah.

+MTUC tidak perlu membuat perubahan,+ kata beliau. -- Bernama

▼11/07/13-51MST